

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, September 11, 2019 1:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelayaran Merentas Samudera – Selami Realiti Sebenar Kehidupan Tentera Laut



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 SEPTEMBER 2019 / 11 MUHARAM 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

PELAYARAN MERENTAS SAMUDERA – SELAMI REALITI SEBENAR KEHIDUPAN TENTERA LAUT



UUM ONLINE: Anggota PALAPES Laut UUM berpeluang belayar merentas samudera biru di atas kapal TLDM ketika menyelami realiti sebenar kehidupan tentera laut (navy) dalam *On Board Training Programme* (OTP).

Pegawai koordinasi PALAPES Laut UUM, Leftenan Faizul Ismail berkata, lapan PDL ditempatkan di kapal TLDM iaitu KD PERANTAU, KD MAHAWANGSA dan KD GAGAH SAMUDERA.

Jelasnya, OTP bertujuan melatih Pegawai Dalam Latihan (PDL) melaksanakan latihan secara *hands-on* di kapal-kapal TLDM serta memberi pendedahan tentang budaya kerja TLDM selari dengan silibus latihan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pasukan Simpanan TLDM mengikut Buku Tugas Tentu (BTT) bagi setiap fasa latihan.

Antara aktiviti yang dilaksanakan di atas kapal termasuklah *colours and sunset ceremony*, lawatan malam, operasi melawan kerosakan dan mencegah kebakaran (CBRNDC), *flag and semaphore*, taklimat dan praktikal Ops geledah dan *back towing*.

Selain itu, turut dijalankan Operasi menyelamatkan orang jatuh laut, taklimat dan *praktikal chartwork, mess etiquette, unit common knowledge, layout equipment at bridge, seamanship* serta pelbagai lagi ilmu ketenteraan.

“Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada para pegawai serta barisan staf di kapal-kapal TLDM yang tidak jemu memberi tunjuk ajar semoga ilmu yang dicurahkan mampu membentuk semangat juang yang tinggi dan membentuk PDL yang berkemahiran dalam ilmu ketenteraan tentera laut,” luahnya.

Sementara itu, Pegawai Kadet Kanan (PKK), Siti Norsamsiah Mat tahar berkata, OTP merupakan satu platform yang diwujudkan oleh TLDM kepada pegawai dan anggota simpanan TLDM untuk mempelajari tentang teori dan praktikal tentang ilmu ketenteraan TLDM.

“Program ini juga membantu para pegawai dan anggota simpanan TLDM termasuk PALAPES Laut mengetahui realiti sebenar kehidupan tentera laut Malaysia.

“Terdapat juga kapal layar yang merupakan kapal latihan yang melakukan pelayaran setiap kali anggota melapor diri dan berlayar ke Pulau Langkawi,” ujarnya.

Program ini mempunyai tarikan yang tersendiri apabila peserta ditempatkan di pelbagai aset TLDM iaitu kapal-kapal yang dimiliki TLDM yang mempunyai pelbagai kegunaan.

“Anggota Palapes UUM seramai 8 orang ditempatkan di kapal yang berbeza. Kami merasai sendiri pengalaman menjadi antara salah seorang krew kapal. Dengan mempraktikkan ilmu yang diajar oleh jurulatih PALAPES UUM untuk menjadi krew kapal yang memberi sumbangan dalam melakukan rutin harian.

Cabaran yang dihadapi termasuklah memahami bahasa tentera laut iaitu *naval term* yang sukar untuk difahami oleh orang awam.

“Sama seperti lelaki, anggota wanita turut melakukan kerja berat di atas kapal kerana sebagai seorang anggota Palapes kami telah dididik untuk menganggap cabaran adalah suatu batu loncatan.

“Pada mulanya saya berasa sangat berdebar kerana tempat yang ditujui adalah kapal perang dan di minda saya beranggapan bahawa krew kapal semuanya garang tetapi sebaliknya yang berlaku setibanya di kapal KD PERANTAU mereka teruja menyambut kedatangan kami.

Tambahnya, krew kapal sangat berdedikasi dalam mencurahkan segala ilmu sekali gus membuka mata bahawa TLDM bukan sahaja terbaik dalam mempertahankan negara ini malah medan untuk semua rakyat Malaysia mempelajari ilmu ketenteraan terutamanya ilmu tentang kelautan.

“Banyak momen yang ditimba sepanjang berada di atas kapal misalnya diberi tugas menyiapkan Buku Tugas Tentu (BTT) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pasukan Simpanan (BPS).

Di dalam buku tersebut terdapat pelbagai pelajaran di atas kapal termasuklah rutin harian krew kapal, Mencegah Kerosakan Dan Mengawal Api (MKMA), Semaphore (isyarat komunikasi antara kapal).

Setiap kapal mempunyai kepakaran yang berbeza KD PERANTAU kepakarannya adalah hidrografi iaitu pemetaan.

“Saya sangat bersyukur kerana dapat merasai sendiri pengalaman menjadi salah seorang krew kapal TLDM. tidak semua orang dapat merasai pengalaman seumpama ini.

“Setinggi-tinggi terima kasih kepada Leftenan Faizul Ismail selaku pegawai koordinasi PALAPES Laut UUM di atas keprihatinan membuka peluang untuk peserta menimba ilmu kelautan secara teori agar apa yang diajar dapat dipraktikkan di atas kapal.

“Tidak lupa juga kepada TLDM kerana memberi peluang yang sangat berharga kepada PALAPES. Saya sangat gembira dan tidak menyesal memilih PALAPES Laut sebagai kokurikulum saya,” ujarnya.

Program ini sememangnya memberi impak kepada peserta untuk menjadi salah seorang pegawai simpanan TLDM suatu masa nanti.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.